



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PROJEK/DISERTASI/TINJAUAN BAGI PROGRAM  
SARJANA STRUKTUR KERJA KURSUS**

***GUIDELINES FOR IMPLEMENTATION OF PROJECT  
/DISSERTATION/CONSPECTUS FOR MASTER  
PROGRAMME BY COURSEWORK STRUCTURE***

**BERKUATKUASA / *EFFECTIVE FOR:*  
SEMESTER II, 2021/2022**

**TARIKH KUATKUASA / *EFFECTIVE DATE:*  
20 FEBRUARY 2022**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK/DISERTASI/TINJAUAN BAGI  
PROGRAM SARJANA STRUKTUR KERJA KURSUS  
GUIDELINES FOR IMPLEMENTATION OF PROJECT /DISSERTATION/CONSPECTUS  
FOR MASTER PROGRAMME BY COURSEWORK STRUCTURE**

**1. TUJUAN  
PURPOSE**

Garis panduan ini adalah sebagai rujukan bagi fakulti dalam penyediaan laporan projek / disertasi / tinjauan bagi program pascasiswazah struktur kerja kursus. Secara tidak langsung, garis panduan ini merupakan panduan kepada pelajar dalam menyediakan laporan projek/disertasi/tinjauan.

*This guideline is a reference for faculty for preparation of project reports / dissertations / conspectus for postgraduate programme by coursework structure. Indirectly, these guidelines provide guidance to the students in preparing project report/dissertation/conspectus.*

**2. LATAR BELAKANG  
BACKGROUND**

Laporan projek / disertasi / tinjauan bermaksud karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi program pengajian pascasiswazah struktur Kerja Kursus.

*Project reports / dissertations / conspectus refers to academic writing submitted by a student in partial fulfilment for the award of a degree of postgraduate studies by Coursework structure.*

**3. JUSTIFIKASI PENETAPAN GARIS PANDUAN  
JUSTIFICATION OF GUIDELINES**

- a) Sebagai salah satu keperluan dokumen kurikulum program  
*As one of the requirements of the program curriculum document*
- b) Mengawal selia penyediaan laporan projek/disertasi/tinjauan pelajar  
*Regulating the preparation of the student's project report / dissertation / conspectus*

**4. LAPORAN PROJEK / DISERTASI / TINJAUAN  
PROJECT REPORTS / DISSERTATIONS / CONSPECTUS**

**a) Penyeliaan dan Penasihatannya Pelajar  
Student Advice and Supervision**

- i) Semasa melaksanakan laporan projek / disertasi / tinjauan, pelajar akan dibimbing oleh seorang penyelia utama.  
*While undertaking project report / dissertation / conspectus, students will be guided by a main supervisor.*

- ii) Pelantikan penyelia utama adalah di bawah tanggungjawab Fakulti.  
*The appointment of a main supervisor is under the responsibility of the Faculty.*
- iii) Pelajar boleh memohon pertukaran Penyelia dengan menggunakan borang pertukaran penyelia / tajuk penyelidikan yang disediakan oleh fakulti.  
*A student can apply for a change of supervisor(s) by filling in form to change the supervisor / research title provided by the faculty.*
- iv) Penyelia utama mestilah terdiri daripada staf akademik berkelayakan PhD atau setaraf di Universiti. Sekiranya Penyelia utama adalah pensyarah kontrak, Penyelia Bersama perlu dilantik. Penyelia Bersama juga boleh dilantik daripada industri / lapangan.  
*The main supervisor must be an academic staff with PhD or equivalent in the University. If the main supervisor is a contract lecturer, a co-supervisor is needed. The co-supervisor can be appointed from the industry / field.*

**b) Garis Panduan Penyediaan Laporan Projek / Disertasi / Tinjauan**  
***Guidelines for Preparation of Project Reports / Dissertations / Conspectus***

- i) Pelajar tidak boleh mencadangkan laporan projek / disertasi / tinjauan yang pernah diserahkan kepada Universiti atau IPT.  
*Students cannot propose project report / dissertation / conspectus that have been submitted to the University or IHL.*
- ii) Pelajar digalakkan untuk menerbitkan bersama penyelia atau membentangkan hasil penyelidikan mereka semasa dalam pengajian.  
*Students are encouraged to publish with their supervisor or present their research findings during their studies.*
- iii) Status penulis sebagai pelajar siswazah UMT hendaklah dinyatakan dan Universiti hendaklah diiktiraf serta dikreditkan.  
*The status of the writer as a graduate student of UMT must be stated and the University must be duly acknowledged and credited.*
- iv) Bilangan perkataan minimum untuk laporan projek / disertasi / tinjauan, adalah 10,000 patah perkataan dan maksimum 30,000 patah perkataan, tidak termasuk nota kaki, petikan, lampiran, jadual dan gambar rajah. Walau bagaimanapun, program masing-masing boleh menentukan bilangan perkataan yang diterima untuk laporan projek / disertasi / tinjauan.  
*The minimum number of words for project reports / dissertation / conspectus, is 10,000, while the maximum is 30,000 words, excluding footnotes, quotations, appendices, tables and diagrams. However, the respective programme may decide the accepted number of words for the project report / dissertation / conspectus.*

- v) Garis panduan format dan penulisan laporan projek / disertasi / tinjauan boleh didapati dalam edisi terkini Panduan Penyediaan Tesis UMT yang diterbitkan oleh Pusat Pengurusan Siswazah atau mana-mana format lain yang diputuskan oleh program masing-masing.

*Guidelines for the format and writing of the project report / dissertations / conspectus can be found in the latest edition of Guide to the preparation of Thesis of UMT published by Postgraduate Management Centre or any other format decided by the respective programme.*

- vi) Indeks kesamaan yang dibenarkan untuk laporan projek / disertasi / tinjauan mestilah kurang daripada atau sama dengan 20%. Laporan projek / disertasi / tinjauan hendaklah dikemukakan bersama-sama laporan indeks kesamaan.

*The similarity index permitted for project report / dissertation / conspectus must be less than or equal to 20%. The project reports / dissertation / conspectus must be submitted together with the similarity index report.*

- vii) Dapatan daripada penyelidikan akan menjadi hak cipta Universiti.

*Findings from the research will be the copyright of the University.*

### **c) Penilaian Laporan Projek / Disertasi / Tinjauan**

#### ***Evaluation of Project Reports / Dissertations / Conspectus***

- i) Penilaian hendaklah terdiri daripada komponen berikut, cadangan dan/atau laporan projek /disertasi/tinjauan akhir, dan pembentangan lisan.

*The evaluation shall comprise of these components, proposal and/or final project report / dissertation / conspectus and oral presentation.*

- ii) Satu (1) salinan laporan projek / disertasi / tinjauan hendaklah diserahkan bersama-sama borang Borang Serahan Laporan Projek/Disertasi/ Tinjauan kepada Penyelaras Projek/Disertasi/Tinjauan atau Pengerusi Bidang Sarjana untuk disemak kesesuaian dengan format yang diputuskan untuk program sebelum dibenarkan dihantar untuk peperiksaan. Kegagalan untuk mematuhi format boleh mengakibatkan penolakan laporan.

*A copy of the project reports / dissertations / conspectus shall be submitted together with Submission Form for Project Report/Dissertation/Conspectus to the Project/Dissertation/conspectus Coordinator or Programme Chair to be checked for conformity to the format decided for the programme before it can be allowed to be submitted for evaluation. Failure to conform to the format may result in the rejection of the report.*

- iii) Panel penilai terdiri daripada penyelia dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa.

*The panel of evaluators consist of a supervisor and at least one examiner.*

- iv) Selepas sesi pembentangan lisan, jika berkenaan, pelajar mungkin diminta untuk membuat pengubahsuaian kepada laporan projek / disertasi / tinjauan berdasarkan cadangan oleh Panel Penilai sebelum penyerahan.

*After the oral presentation session, where applicable, students may be asked to make modifications to the project report / dissertation / conspectus based on recommendations by the Panel of Evaluators before submission.*

## **5. SUMBER RUJUKAN REFERENCES**

Sumber rujukan bagi penyediaan garis panduan ini adalah seperti berikut:  
*Reference for the preparation of these guidelines are as follows:*

- i) Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Teknologi Malaysia, Diterbitkan pada 2020.  
*Academic Regulations for Graduate Studies of Universiti Teknologi Malaysia, Published in 2020.*
- ii) Peraturan Akademik Pascasiswazah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Diterbitkan pada 2020.  
*Postgraduate Academic Regulations of Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Published in 2020.*
- iii) Peraturan Akademik Sarjana Kerja Kursus Universiti Teknologi Mara Edisi 2020. Diterbitkan pada 2020.  
*Academic Regulations of Master by Coursework Universiti Teknologi Mara Edition 2020. Published in 2020.*